

13/12/2000

Abang PM meninggal

SUNGAI PETANI, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengunjungi jenazah abangnya, Mahadi yang meninggal dunia di rumahnya, di sini pagi ini.

Turut hadir, Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta dua kakak Perdana Menteri, iaitu Rafeah dan Habsah serta abangnya Mashahor.

Mahadi, 86 (gambar), meninggal dunia kira-kira jam 9.30 pagi selepas keluar dari bilik air di rumahnya, di Jalan Syed Osman Idid, Sungai Layar, di sini.

Menurut isterinya, Che Kalsom Hamzah, 60, sebelum meninggal dunia, suaminya tidak mengadu penyakit serius kecuali selesema.

"Selepas keluar dari bilik mandi, suami saya rebah. Doktor yang datang mengesahkan beliau meninggal dunia," katanya.

Anak saudaranya, Roseniah Mashahor berkata, pasangan berkenaan hanya tinggal berdua di rumah itu.

Mahadi meninggalkan lima anak, iaitu Samad, Faridah, Siti Aishah, Siti Hawa dan Azli. Seorang lagi anaknya, Shahida meninggal dunia baru-baru ini.

Jenazah Mahadi dikebumikan di tanah perkuburan Masjid Penghulu Him, dekat sini selepas solat asar.

Turut menziarahi jenazah ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ismail Shafie dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) serta pemimpin Umno.

(END)